



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **39 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,210** kes (69.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 1 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **69 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,071 kes**. Oleh itu, **Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,758 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 69 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **12 kes adalah kes import**. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 57 kes.

Sehingga kini, seramai **37 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 14 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **103** kes (1.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-103 (kes ke-5441) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 66 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit barah. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (iaitu kes ke-4818). Beliau telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 14 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 30 April 2020 jam 4.00 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

HARI PEKERJA 1 MEI 2020

Sempena Hari Pekerja pada hari ini iaitu 1 Mei 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua pekerja di Malaysia, khususnya semua petugas-petugas perubatan dan kesihatan terutamanya mereka daripada barisan hadapan (*frontliners*), sama ada sektor Kerajaan, swasta, sukarelawan dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO). Begitu juga petugas-petugas di belakang tabir yang sememangnya memainkan peranan yang sangat penting sebagai tulang belakang dalam memastikan kesiapsiagaan dan kelancaran respons di lapangan.

KKM turut mengambil kesempatan ini untuk menghargai semua petugas daripada pelbagai agensi yang telah bertungkus lumus, terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu KKM menangani penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia. Sesungguhnya kesihatan adalah tanggungjawab kita bersama. Pandemik COVID-19 ini telah menyaksikan kesatuan semua rakyat Malaysia, pelbagai sektor dan juga agensi dalam memainkan peranan masing-masing untuk sama-sama membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

PEMATUHAN KEPADA STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Pada hari ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kini Malaysia akan membuka semula beberapa sektor-sektor ekonomi secara berhati-hati dan terkawal, tertakluk kepada syarat-syarat dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

KKM menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menekankan mengenai pematuhan kepada SOP yang ditetapkan, iaitu antara lain termasuklah:

- amalan jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter;
- kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, atau menggunakan hand sanitiser;
- penggunaan topeng muka dan hidung (*facemask*);
- saringan kesihatan di pintu masuk premis;
- keutamaan melindungi kumpulan berisiko seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan OKU;
- individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

- bilangan penumpang dalam kenderaan awam perlu mengambil kira penjarakan sosial; dan
- menggalakkan transaksi secara atas talian (*online*), dan
- melaporkan segera kepada Jabatan Kesihatan jika terdapat maklumat mengenai jangkitan COVID-19.

YAB Perdana Menteri juga menekankan bahawa perhimpunan ramai dan aktiviti yang mendedahkan orang awam kepada risiko jangkitan wabak COVID-19 adalah masih tidak dibenarkan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Semua majikan dan warga pekerja adalah dinasihatkan untuk membiasakan dan mempraktikkan norma baharu dalam kehidupan dan cara kerja bagi memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat terus dibendung. Ini adalah amat penting sekali, agar semua usaha yang telah dijalankan selama ini dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 adalah terus berkesan.

KKM akan terus memantau kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia. Penduduk Malaysia dinasihatkan untuk kekal duduk di rumah dan hanya keluar rumah untuk urusan-urusan yang perlu sahaja. Teruskan amalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan air dan sabun, dan amalkan jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter (*social distancing*). Ini penting dalam memutuskan rantaian penularan COVID-19 di dalam masyarakat.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu

juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 1 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	253
SELANGOR	24 (4)	1,455
NEGERI SEMBILAN	0	513
MELAKA	1 (1)	199
JOHOR	3 (3)	666
PAHANG	3	297
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	0	315
SARAWAK	2	509
W.P. KUALA LUMPUR	32	1,264
W.P. PUTRAJAYA	4 (4)	85
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	69 (12)	6,071

*() adalah merujuk kepada kes-kes import